

KENYATAAN TAWARAN



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

PEROLEHAN SECARA TENDER:

PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN TAKAFUL BERKELOMPOK UNTUK AHLI JAWATANKUASA KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT), ANGGOTA SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) DAN MEDIATOR KOMUNITI (MK) BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah **Senarai Kod Bidang Perkhidmatan di bawah Bidang, Sub-Bidang dan Pecahan Sub-Bidang 221801** (22 Perkhidmatan, 18 Perkhidmatan Kewangan dan Insuran, 01 Syarikat Insuran (Perlu Lesen Bank Negara)) **yang masih sah dan berkuatkuasa.**
2. Butiran tender adalah seperti berikut:

Bil.	Kod Tender	Nama Zon	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tarikh Mula / Tutup Iklan
1.	QT260000000021208	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)	21 Julai 2026 (Selasa)	15 Julai 2026 (Rabu) Mulai 12.00 tengahari
			10.00 pagi	hingga
			Dewan Perpaduan Aras 10	11 Ogos 2026 (Selasa) Tutup 12.00 tengahari Melalui sistem ePerolehan

3. Tender dilaksanakan menerusi sistem ePerolehan sepenuhnya dan boleh diakses di halaman portal rasmi ePerolehan (<https://www.eperolehan.gov.my>). Petender hendaklah berdaftar dengan sistem ePerolehan (eP *enabled*). Tawaran Kewangan dan Teknikal hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender.
4. Setiap Petender yang hendak memasuki tender perlu menyemak jemputan ke Taklimat Tender melalui sistem ePerolehan dan **DIWAJIBKAN HADIR KE TAKLIMAT TENDER**. Selaras dengan arahan Kerajaan, Pekeliling Perbendaharaan: PK 2.1, Petender yang menghadiri taklimat **MESTILAH** penama di Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia dan mempunyai Kod Bidang berkaitan serta masih sah dan berkuatkuasa **SAHAJA** dan **TIDAK BOLEH MEWAKILKAN** pegawai selain daripada penama tersebut.
5. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
6. Tawaran tender **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya:
 - a. Petender **GAGAL** menghadiri **taklimat tender**;
 - b. Petender **GAGAL** memuat naik **dokumen wajib dengan lengkap** ke dalam sistem ePerolehan;
 - c. Petender **menulis, mencatatkan dan meletakkan cop nama dan memuatnaik tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran** yang dikemukakan secara atas talian; atau
 - d. Petender **LEWAT** menyerahkan tawaran tender dengan lengkap ke dalam sistem ePerolehan.
7. Keputusan tender adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.